

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BAHAGIAN PENCEN,
BANGUNAN SULAIMAN,
JALAN DAMANSARA,
KUALA LUMPUR.

Ruj. Fail: JPA/PEN/228/97/1-2/(15)

Tarikh : 30 hb. Ogos, 1982.

Tuan,

Pengecualian Sijil Pelepasan Cukai

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada perenggan 5(b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78 bertarikh 15hb. Mac, 1978 yang menghendaki Ketua-ketua Jabatan menghubungi antara lain, Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mendapatkan sijil pelepasan cukai bagi seseorang pegawai yang bakal bersara 6 bulan sebelum tarikh persaraannya.

2. Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah pun memperolehi persetujuan Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi mengecualikan pegawai Kumpulan 'D' yang mempunyai pendapatan berdasarkan gaji bulanan semata-mata dari mendapat sijil pelepasan cukai bagi maksud bayaran faedah persaraan. Bagi mereka yang mempunyai atau di-syakki mempunyai pendapatan lain selain daripada gaji bulanan, sijil pelepasan cukai mesti dipohon bagi maksud bayaran faedah persaraan.

3. Peraturan untuk mendapat sijil pelepasan cukai bagi pegawai Kumpulan 'A', 'B' dan 'C' sepertimana yang dijelaskan oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78 bertarikh 15hb. Mac, 1978 hendaklah diteruskan.

4. Dengan adanya peraturan yang terbaharu ini, Jabatan ini berharap masalah Sijil Akuan Berhutang/Tak Berhutang yang masih berlaku sekarang dapat dikurangkan dan matlamat Jabatan ini hendak membayar faedah persaraan dalam tempoh yang telah ditetapkan itu kepada yang berhak sahaja akan tercapai.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK HASSAN BIN IBRAHIM)
Pengarah Bahagian Pencen,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.



.../2

KPM(2)

27 1467

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Pengurusan Badan Berkanun
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

s.k.

Ketua Pengarah,
Jabatan Hasil Dalam Negeri,
Komplek Pejabat-pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
KUALA LUMPUR.

(U.P: Encik Sivalingam)

